Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

KETUA HAKIM NEGARA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

CHIEF JUSTICE
FEDERAL COURT
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

14 Oktober, 1996

Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi

Pesuruhjaya Kehakiman

Penolong Kanan Pendaftar

Y.A. Dato'/Tuan/Puan,

Peruntukan-peruntukan Khas mengenai Parti Politik di dalam Akta Pertubuhan

---

Akta Pertubuhan telah dipinda melalui Akta A743/90 yang berkuatkuasa mulai 12 Januari 1990 dengan memasukkan Bahagian 1A yang mana sesalinan adalah dilampirkan bersama ini. Pindaan ini melibatkan kemasukan seksyen baru 18A, 18B dan 18C yang mana adalah jelas bahawa keputusan yang dibuat oleh sesuatu parti politik itu adalah muktamat dan keputusan itu tidak boleh dicabar, di-rayukan, di kaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah atas apa-apa alasan, dan Mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk melayan atau memutuskan apa-apa guaman, permohonan, soalan atau prosiding atas apa-apa alasan berkenaan dengan keesahan keputusan itu.

2. Oleh itu semua Hakim-Hakim sebelum melayan apa-apa permohonan berkaitan dengan parti politik, hendaklah mengkaji peruntukan-peruntukan 18A, 18B, dan 18C terlebih dahulu.

Sekian.

(TAN SRI DATO' SERI MOHD.EUSOFF B. CHIN)
Ketua Hakim Negara Malaysia.

Bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja, 50506 Kuala Lumpur.
*Tel.:* 03-2939011 *Fax:* 03-2937929

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete



s.k. Y.A.A. Presiden
Mahkamah Rayuan
Kuala Lumpur.

" Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Tinggi
Kuala Lumpur.

" Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak.
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Kuching.

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A743

# AKTA PERTUBUHAN (PINDAAN) 1990

Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966.

[ 12 · 1 · 90 ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1990. Tajuk ringkas.

**2.** Akta Pertubuhan 1966 adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 18, Bahagian baru IA seperti yang berikut: Bahagian baru IA. *Akta 335.*

"BAHAGIAN IA

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI PARTI-PARTI POLITIK SAHAJA

Pemakaian Bahagian I dan III. 18A. Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Bahagian ini hendaklah terpakai, sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Bahagian I dan Bahagian III, bagi parti-parti politik yang berdaftar di bawah Akta ini dan jika ada apa-apa percanggahan atau ketakkonsistenan di antara mana-mana peruntukan dalam Bahagian ini dengan mana-mana peruntukan dalam mana-mana

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents



Bahagian lain Akta ini, peruntukan dalam Bahagian ini hendaklah mengatasi setakat percanggahan atau ketakkonsistenan itu.

Hal keadaan yang tidak menjadikan sesuatu pemilihan tak sah.

18B. (1) Tiada pemilihan dalam mana-mana parti politik boleh menjadi tak sah oleh sebab apa-apa kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan perlembagaan parti politik itu atau mana-mana kaedah atau peraturan yang dibuat di bawahnya, atau oleh sebab mana-mana orang yang hilang kelayakan daripada menjadi anggota atau pemegang jawatan di bawah Akta ini atau perlembagaan parti politik itu telah mengambil bahagian dalam pemilihan itu, jika didapati oleh parti politik itu atau mana-mana orang yang diberikuasa olehnya atau oleh perlembagaannya atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, bahawa keputusan pemilihan itu akan tetap sama sekiranya tidak ada apa-apa kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan sedemikian, atau sekiranya orang itu telah tidak mengambil bahagian dalam pemilihan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika seseorang yang hilang kelayakan di bawah Akta ini atau perlembagaan sesuatu parti politik dipilih memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana pemilihan parti politik itu, maka, apabila kehilangan kelayakannya itu diketahui, parti politik itu hendaklah, walaupun pemilihan itu sah menurut subseksyen (1), memberikan efek kepada kehilangan kelayakannya itu dan menjalankan suatu pemilihan baru berkenaan dengan jawatan itu dengan seberapa segera yang praktis mengikut perlembagaan, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturannya.

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete



Keputusan parti politik adalah muktamad dan konklusif.

18c. Keputusan sesuatu parti politik atau mana-mana orang yang diberikuasa olehnya atau oleh perlembagaannya atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya tentang pentafsiran perlembagaan, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturannya atau tentang apa-apa perkara yang berhubungan dengan hal-ehwal parti itu adalah muktamad dan konklusif dan keputusan itu tidak boleh dicabar, dirayukan, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan di mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan, dan tiada mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk melayani atau memutuskan apa-apa guaman, permohonan, soal atau prosiding atas apa-apa alasan berkenaan dengan keesahan keputusan itu.".